

Anwar arah KPDN perhebat OpS Pantau 2025

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mesti mengandakan penguatkuasaan menerusi Ops Pantau 2025 sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata perkara itu dinyatakan dalam pertemuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, semalam.

“Perdana Menteri mahu strategi intervensi dilaksana segera bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, jika terdapat gangguan bekalan.

“Perdana Menteri turut menegaskan KPDN perlu lebih tegas dalam memastikan peniaga mematuhi harga maksimum yang ditetapkan kerajaan, termasuk bagi barangan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan yang akan diumumkan kelak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri semalam.

Selain itu Anwar mengingatkan semua pihak agar mengelakkan polemik berkaitan agama, Raja dan kaum (3R) dalam sebarang bentuk kenyataan atau tindakan, serta mengutamakan sikap saling menghormati dan kasih sayang dalam hidup bermasyarakat.